

Pengasas Hotel 81 derma \$2j kepada NUS untuk dermasiswa

PENGASAS dan pengerusi eksekutif hotel bajet Hotel 81, Encik Choo Chong Ngen, telah menderma \$2 juta kepada Universiti Nasional Singapura (NUS) untuk menubuhkan sebuah dermasiswa bagi pelajar yang memerlukan bantuan kewangan.

Dipanggil Dermasiswa Hotel 81-Choo Chong Ngen, ia akan diberikan mulai Tahun Akademik 2017/2018 dan akan memberi manfaat kepada 32 pelajar yang layak setiap tahun yang mendaftar di sebarang kursus pengajian.

Setiap dermasiswa adalah untuk

tempoh satu tahun akademik dan terbuka kepada warga Singapura dan penduduk tetap.

Sumbangan itu juga akan membolehkan NUS memohon geran pemadanan daripada pemerintah.

Encik Choo berkata: “Apabila saya masih muda, saya terpaksa mengorbankan pendidikan formal saya kerana masalah kewangan keluarga dan saya tidak mahu orang lain melalui yang sama.”

Beliau menambah bahawa “NUS merupakan pilihan semula jadi (bagi pelajar) kerana ia adalah sebuah institusi tinggi dengan program sokongan kewangan pelajar yang telus dan menyeluruh”.

Presiden NUS, Profesor Tan Chorh Chuan, pula berkata ramai pelajar Singapura di universiti itu telah memberitahunya bagaimana kehidupan mereka berubah kerana dermasiswa yang telah mereka terima.

“Cerita peribadi mereka menekankan bagaimana dermasiswa boleh mempunyai kesan segera dan mendalam kepada kehidupan anak muda yang mempunyai bakat untuk berjaya, tetapi datang daripada latar belakang yang kurang berna-sib baik dari segi kewangan,” katanya.

Profesor Tan berkata lagi bahawa universiti itu amat menghargai kemurahan hati Encik Choo dan beliau berharap sumbangan itu akan memberi inspirasi kepada pemimpin dan anggota masyarakat perniagaan lain agar membantu anak muda dengan cara yang sama.

Pada tahun lalu Encik Choo turut menyumbang \$2 juta kepada Universiti Pengurusan Singapura (SMU) untuk menubuhkan sebuah dermasiswa bagi pelajar yang memerlukan.

Ia adalah dermasiswa terbesar bagi SMU daripada penderma individu.